


22. Pemandu yang terlibat dalam kemalangan di simpang Jalan Merdeka itu telah _____ kemalangan tersebut di balai polis.
A melaporkan
B mendedahkan
C menceritakan
D menjelaskan
23. Jutawan itu telah menyatakan persetujuan beliau untuk _____ kos rawatan pesakit jantung itu.
A merawati C mencari
B membiayai D membela
24. Perempuan itu begitu asyik _____ majalah yang baru dibelinya sehingga tidak sedar rakannya telah tiba.
A menguis-nguis
B meninjau-ninjau
C mencuit-cuit
D membelek-belek

Soalan 25 berdasarkan gambar di bawah.



25. Pak Cik Akub membiarkan lembu-lembu peliharaannya _____ rumput di tepi sawah.
A meragut C mengunyah
B meratah D menjilat
26. Pada malam ini, kami akan pergi ke kebun datuk untuk menunggu buah durian _____.
A jatuh C runtuh
B pecah D gugur

27. Penduduk Kampung Permatang bergotong-royong _____ dinding balai raya kerana hendak menyambut kedatangan Menteri Besar Perak.
A mengecat
B mengukir
C mencabut
D menghias
28. Semua tetamu yang mendapat _____ ke majlis perkahwinan anak Datuk Razali dikehendaki memakai pakaian songket ketika menghadiri majlis tersebut.
A jeritan
B jemputan
C panggilan
D arahan
29. Murid itu _____ sahaja apabila guru disiplin bertanyakan tentang kesalahan yang dilakukannya.
A merajuk
B mengeluh
C meradang
D membisu
30. Remaja hendaklah _____ dengan penuh kasih sayang supaya mereka tidak terjebak dalam gejala yang tidak sihat.
A dipaksa
B dibimbing
C diarah
D dipujuk
31. Pihak Majlis Perbandaran Selayang telah _____ penduduk Taman Hijau supaya membuang sampah dengan betul ke dalam tong sampah.
A mengingatkan
B mengusik
C menegur
D menjawab

32. Air mata gembira emak saya _____ apabila adik diumumkan sebagai murid-terbaik dalam peperiksaan UASA pada tahun ini.
 A berjatuhan
 B berjuntaian
 C berlinangan
 D bercurahan
33. Sebelum pergi ke kebun, biasanya Pak Halim akan _____ parangnya sehingga tajam.
 A mengasah
 B membakar
 C mengikis
 D menggosok
34. Emak _____ adik kerana bermain dalam hujan.
 A memarahi
 B mencuit
 C mengusik
 D mengugut
35. Teng Teng _____ semasa mengikuti kelas mata pelajaran Matematik kerana dia menonton televisyen sehingga larut malam.
 A terangguk-angguk
 B tersedu-sedu
 C tergeleng-geleng
 D tersenguk-senguk
36. Pada setiap petang, Rina akan _____ pokok-pokok bunga yang sedang mekar di halaman rumahnya.
 A membasuh
 B menabur
 C memotong
 D menyiram
37. Pada tanggal 31 Ogos, Jalur Gemilang akan _____ di setiap rumah sebagai tanda memperingati ulang tahun kemerdekaan negara.
 A bertaburan
 B berkibaran
 C berkeliaran
 D bertempiran
38. Anak-anak ayam Mak Lijah lari _____ apabila seekor burung helang datang menyambar.
 A berguguran
 B bertempiran
 C berterbangan
 D berciciran
39. Selama seminggu Rahmat mengikuti program anak angkat itu, dia dapat _____ pelbagai perkara tentang kehidupan petani.
 A memperbaiki
 B membarui
 C memperingati
 D mempelajari
40. Walaupun saya berasal daripada keluarga yang ramai, namun ibu dan bapa saya tidak pernah _____ kasih sayang yang diberikan.
 A mengusik-usik
 B memukul-mukul
 C membeza-bezakan
 D menukar-nukar
41. Najib dan Ibrahim tinggal berjiran. Rumah mereka pula _____ dengan Putrajaya.
 A beriringan
 B berdekatan
 C berhimpitan
 D berdampingan
42. Pihak kastam telah berjaya _____ kegiatan penyeludupan beras itu.
 A melemahkan
 B melenyapkan
 C menghanyutkan
 D menumpaskan